

CAMAR KECIL
Little Tern

FAMILI: Laridae
NAMA SAINTIFIK: *Sterna albifrons*

CIRI-CIRI

Semasa luar musim membiak, individu dewasa sub-spesies *S.a.sinensis* mempunyai saiz yang kecil, paruh yang panjang serta bahagian ekor yang pendek. Bahagian kaki dan paruh berwarna gelap manakala jalur di antara paruh dan bahagian mata serta bahagian hadapan kepala berwarna putih. Pada bahagian belakang mahkota kepala yang berwarna hitam terdapat jalur-jalur yang berwarna putih serta terdapat jalur merentasi bahagian mata ke bahagian belakang tengkuk yang berwarna hitam. Bahagian atas tongkeng ke bahagian tengah ekor berwarna putih (adakalanya berwarna kelabu). Terdapat warna hitam pada sisi bahagian luar sayap dan pada bahagian primer sayap (terdapat jalur berbentuk sabit yang berwarna putih).

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 22-25 sm.

MAKANAN

Ikan, ketam dan siput.

HABITAT

Persisiran pantai, beting pasir dan lumpur, kawasan sungai yang besar dan selalunya di kawasan pamah.

BUNYI

Bunyi yang tajam dan tinggi *kik* atau *ket*, biasanya semasa terbang serta bunyi *kyik* yang kasar semasa dalam keadaan terancam. Juga mengeluarkan bunyi *kirrikikki kirrikikki* yang cepat dan berulang.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan April-September secara berkoloni. Sarang dibina di atas tanah di mana telur yang dihasilkan adalah sebanyak 1-3 biji telur yang berwarna hijau hingga kuning pucat dengan tompokan dan bintik kuning langsung kemerahan dan hitam. Telur berukuran di antara 31-34 X 22.5-24.6 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.